

# Bola Jaring '3 on 3' Kokum UMS buka penyertaan kepada belia

NST 1.12.15 22

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY

KOTA KINABALU: Kokum Universiti Malaysia Sabah (UMS-Bola Jaring Seksyen 1 dan 3) akan menganjurkan Pertandingan Bola Jaring '3 On 3' bermula pada 12 Disember ini di Dataran UMS.

Pertandingan tersebut dibuka penyertaannya kepada para belia terutamanya mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan dalam pertandingan tersebut iaitu kategori lelaki dan kategori wanita.

Bagi kategori wanita, johan akan menerima wang tunai RM150 beserta hamper, manakala naib johan bakal memenangi wang tunai RM120 dan hamper sambil tempat ketiga mendapat wang tunai RM100 beserta hamper.

Manakala bagi kategori lelaki pula, johan akan menerima wang tunai RM120 dan ham-

per, naib johan akan pulang dengan wang tunai RM100 dan hamper, manakala hadiah tempat ketiga merupakan wang tunai RM80 beserta hamper. Selain berpeluang mengasah bakal dalam sukan ini, semua pasukan juga akan menerima sijil penyertaan daripada pengajur.

Justeru, semua peminat sukan bola jaring adalah dipelawa untuk menyertai kejohanan ini sempena musim cuti sekolah pada Disember nanti.